

26 JUN 2003

MALAYSIA-HUB/I

M'SIA KAJI KEMUNGKINAN HUB PELABUHAN MAYA BERPANGKALAN DI MSC BAGI ASEAN

Oleh: Johnny Chan

PETALING JAYA, 26 Jun (Bernama) -- Malaysia sedang mengkaji kemungkinan untuk menjadi sebuah hub pelabuhan maya yang bertujuan menyelaraskan perdagangan di kalangan ekonomi-ekonomi Asean dan dengan China.

Pusat realiti maya itu yang bakal menjadi sebahagian daripada projek Singapore-Kunming Rail Link (SKRL) akan direalisasikan menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Ia akan menyelaraskan kegiatan perdagangan negara-negara anggota SKRL, antara kalangan negara anggota dengan China dalam bahagian seperti pembiayaan perdagangan dan dokumentasi kastam.

Cadangan pelabuhan maya itu disuarakan oleh pengurus besar KTM Bhd (perkhidmatan fret) Abdul Radzak Malek semalam ketika beliau memberi ucapan kepada perwakilan di Persidangan dan Pameran Intermodal Asia kali pertama pada 24-25 Jun lalu di sini mengenai perkembangan perancangan dan kerja-kerja landasan keretapi sepanjang 6,709 km antara Singapura dan Kunming, di selatan China.

Persidangan itu dihadiri oleh kira-kira 190 perwakilan daripada 14 negara termasuk Malaysia. Sejumlah 28 peserta pameran menyertainya termasuk MasKargo, Northport, KTMB dan Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang.

Projek SKRL itu bertujuan meningkatkan pergerakan pengangkutan menerusi pelbagai negara termasuk rantau Sub-Mekong (GSM), bagi menggalakkan kerjasama ekonomi yang lebih rapat dan juga memanfaatkan pasaran eksport yang besar di Yunan, di selatan China.

Radzak berkata: " Kerajaan-kerajaan Asean tidak akan bersaing dengan China tetapi berusaha ke arah menyediakan perkhidmatan tokokan nilai dengan evolusi perkhidmatan keretapi fret baru antara Singapura dan Kunming."

Beliau berkata satu contoh daripadanya adalah cadangan Malaysia mengenai hub pelabuhan maya yang akan menawarkan kepada pengimport dan pengeksport di rantau ini perkhidmatan jangka panjang bagi pengisytiharan kastam dan urusan niaga pertukaran asing.

Ia akan mengendalikan urusan kastam bagi pengeksport dalam zon pemprosesan, katanya.

Pelabuhan maya itu akan menggunakan perdagangan pemprosesan secara online, rebat cukai eksport, pengisytiharan kastam yang pantas, perbankan, insurans dan rizab ruang perkapalan.

Dengan menyediakan akses kepada pangkalan data yang tersedia dalam rangkaian, pelabuhan maya itu dijangka mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan perdagangan, mengurangkan penyeludupan dan kegiatan haram lain yang akan sama ada disekat atau dapat dikesan dengan mudah.

Pelabuhan maya itu akan mengguna pakai pelbagai langkah keselamatan yang bertahap bagi menjamin integriti pengguna dan melindungi daripada penggodam dan serangan virus.

Idea SKRL kali pertama diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dipersetujui oleh semua ketua-ketua kerajaan Asean untuk diguna pakai sebagai sebuah projek Asean bagi meningkatkan kerjasama ekonomi menerusi perdagangan dan pelaburan membabitkan negara-negara anggota seperti Malaysia, Thailand, Myanmar, Kemboja, Laos, Vietnam dan Laos yang boleh dihubungkan menerusi jalan darat.

Malaysia yang mengambilalih tugas pengerusi kumpulan bekerja khas dari Myanmar pada Disember 2002 bagi tempoh tiga tahun untuk menyediakan dan melaksanakan projek SKRL itu, berminat untuk melaksanakannya dengan segera.

Keutamaan diberikan kepada pelaksanaan segera laluan sepanjang 48

kilometer antara Poipet di Thailand dan Sisophon di Kemboja dengan kemungkinan bantuan teknikal daripada Bank Pembangunan Asia dan Asean, katanya.

Beliau berkata Malaysia bersedia untuk membekalkan bahan mentah (landasan sedia ada) daripada projek landasan berkembar elektriknya di Semenanjung Malaysia untuk merapatkan jurang.

Radzak berkata SKRL akan menyediakan laluan merentasi rantau Asean ke Yunan.

Matlamat utama Asean adalah untuk memanfaatkan 1.2 bilion pengguna di China dengan sambungan rel menerusi SKRL ke pasaran-pasaran sedang muncul di China, katanya. -- BERNAMA

SCC FR ZK